



**UCAPAN PERASMIAN**

**MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC) JKR MALAYSIA TAHUN 2015**

**MENTERI KERJA RAYA**

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

---

**8 JUN 2014 (ISNIN), 9.00 PAGI**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

\*Yang Berhormat Datuk Rosnah binti Hj. Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kerja Raya

\*Yang Berhormat  
Wakil Kerajaan Negeri Johor

\*Yang Berbahagia Dato' Zohari Akob  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

\*Yang Berbahagia  
Ketua Pengarah Kerja Raya

\*Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan

\*Yang Berbahagia Dato' Ir. Ismail bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

\*YBrs Tuan Haji Sarani bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Pengurusan KKR

\*Yang Berbahagia Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah

Timbalan Ketua Setiausaha Sektor Dasar dan Pembangunan KKR

Yang Berusaha Ir. Mohd Jamal bin Sulaiman

Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat,

Merangkap Pengerusi JK Induk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia  
2015

Yang Berusaha Ir. Haji Asri bin Arjan

Pengarah JKR Negeri Johor

Tuan rumah Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2015

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan/ Bahagian,  
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai  
Kader, Pegawai-Pegawai Kanan, Dato'-Dato', Datin-Datin serta tuan-tuan dan  
puan-puan yang dihormati sekalian.

Indah berbalam si awan pagi.

Berarak di celah pepohon ara,

Pemanis kalam selamat pagi,

Awal Bismillah pembuka bicara.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita semua berhimpun bersama-sama sekali lagi sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2015 di Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada JKR kerana menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat ini malah saya berbesar hati dapat berjumpa sekali lagi dengan warga JKR sekalian dan berharap dengan pelaksanaan program sebegini, kita mampu mencapai misi dan visi Kementerian Kerja Raya (KKR) dan seterusnya membawa semua agensi di bawah KKR ke peringkat yang lebih maju dan unggul pada masa hadapan, In Shaa Allah.

2. Seperti yang semua sedia maklum, Mesyuarat Pegawai Kanan ini merupakan acara tahunan JKR yang diadakan mengikut giliran negeri yang mana pada kali ini JKR Negeri Johor bertindak sebagai tuan rumah. Pada pandangan saya, sistem giliran ini adalah antara salah satu sistem terbaik yang memberi peluang kepada JKR Ibu Pejabat bersama JKR Negeri untuk menyerlahkan elemen kerjasama dan perpaduan yang wujud ketika menganjurkan program utama jabatan. Pada masa yang sama, JKR Negeri juga berpeluang menonjolkan ciri-ciri unik negeri masing-masing dalam penganjuran program sama ada makanan, kebudayaan dan juga aspek senibina serta pengurusan projek di peringkat negeri masing-masing. Pegawai-pegawai JKR yang bukan berasal dari Johor juga boleh

menikmati keunikan dan keindahan negeri ini yang nama asalnya daripada perkataan Arab; Jauhar yang bermaksud permata. Pada hari ini, permata yang dimaksudkan bukan sahaja meliputi nilai-nilai sejarah malah kegiatan ekonomi yang memberangsangkan. Mungkin selesai program ini, pegawai-pegawai JKR yang hadir bolehlah membawa keluarga masing-masing ke pusat tarikan keluarga yang terkenal di sini iaitu Legoland ataupun JPO yang mana mungkin membawa bahaya kepada poket tuan-tuan. Demi isteri dan keluarga tersayang, sekali sekala, apa salahnya...

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

### **MEMBUDAYAKAN KECEMERLANGAN DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN JKR**

3. Pemilihan tema 'Membudayakan Kecemerlangan dalam Penyampaian Perkhidmatan' untuk Mesyuarat Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Malaysia 2015 adalah bertepatan dengan saranan pucuk pimpinan negara agar perkhidmatan awam dapat menyampaikan perkhidmatan yang diberikan sebaik mungkin dan memenuhi kehendak pelanggan. Caranya? Dengan memberi penekanan utama terhadap penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengalaman ciri-ciri peribadi yang positif. Justeru, prinsip-prinsip kepantasan dan ketepatan dalam tindakan, penghayatan integriti serta penyampaian perkhidmatan berteraskan kreativiti dan inovasi pastinya sudah menjadi budaya dalam JKR bagi merealisasikan objektif jabatan untuk terus membawa kesejahteraan kepada rakyat. Selain itu, budaya pembelajaran berterusan serta sistem pengurusan fleksibel yang berupaya bertindak

secara proaktif dan berkesan mesti diamalkan. Kesemua elemen ini sudah pasti dapat memberi impak kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan jabatan ke arah pencapaian matlamat negara yang lebih cemerlang.

4. Sepanjang tahun lalu dan tahun ini, JKR terlibat secara langsung dengan beberapa perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat Kabinet antaranya isu denggi, pembaikan infrastruktur awam iaitu jalan, jambatan dan cerun serta pembinaan rumah kekal mangsa banjir akibat bencana banjir luar biasa dan beberapa yang lain. Pada Mac 2014, KKR telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas Denggi bertujuan mengawasi tapak-tapak pembinaan berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. JKR telah dilantik sebagai salah satu anggota Pasukan ini bersama CIDB, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (JKKP). Dalam tempoh Mac 2014 sehingga hujung bulan September 2014, Pasukan Petugas Khas Denggi telah menjalankan pemeriksaan di 478 tapak pembinaan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 341 tapak pembinaan (71 peratus) telah dikesan menjadi tapak pembiakan jentik-jentik. Berikutan itu, 100 kompaun saman telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, 137 tapak pembinaan diarah tutup sementara dan 127 lagi telah diarah melakukan kerja-kerja pembersihan. Menjadi kewajipan buat JKR untuk sentiasa memantau dan memastikan pihak kontraktor peka mengenai risiko pembiakan aedes yang menyebabkan denggi di kawasan tapak pembinaan.

5. Saya juga ingin menyentuh isu penyenggaraan bangunan kerajaan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik melalui proses tender yang telah dibangkitkan susulan aduan penyenggaraan lemah di Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan. Suka saya mengingatkan agar prestasi kontraktor yang telah dilantik untuk menyenggara bangunan kerajaan dipantau setiap masa dan tindakan mesti diambil sekiranya timbul kelemahan sebegini rupa. JKR dan beberapa badan profesional pengurusan fasiliti dalam dan luar negara sedang membantu CIDB untuk mewujudkan pendaftaran Kontraktor Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (*Facilities Management and Maintenance, FMM*). Pendaftaran khusus bagi kerja-kerja FMM ini mampu mengawal kelayakan kontraktor FMM yang benar-benar mempunyai keupayaan untuk melaksanakan kerja mereka. Penambahbaikan terhadap Dokumen Syarat-Syarat Kontrak (CoC) FMM juga telah dilakukan dan dokumen tersebut telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk proses penelitian.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Kejadian yang paling memberi kesan terhadap rakyat Malaysia pada hujung tahun lalu adalah banjir luar biasa yang menimpa negara. Antara negeri yang terkesan akibat banjir adalah Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Sebanyak RM1.09 bilion telah dianggarkan sebagai peruntukan baik pulih kerosakan jalan, jambatan dan cerun di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM660 juta atau 65 peratus adalah anggaran untuk membaiki

jalan, jambatan dan cerun di jalan Persekutuan sahaja. Sehingga kini, KKR telah menerima peruntukan awalan sebanyak RM150 juta daripada agensi Pusat. KKR telah membuat agihan peruntukan sebanyak RM110 juta untuk kerja-kerja pembaikan dan pemulihan jalan manakala selebihnya untuk projek pembaikan dan pemulihan cerun. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, projek baik pulih kerosakan infrastruktur akibat banjir sedang dilaksanakan mengikut keutamaan dan kategori kerosakan, dan dijangka akan siap secara berperingkat selewat-lewatnya hujung tahun ini, In shaa Allah.

7. Kerajaan juga telah menubuhkan Unit Pemulihan Pasca Banjir di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi menyelaras dan mengurus selia kesemua program pemulihan pasca banjir oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Unit pemulihan ini dibantu oleh dua jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Rumah Kekal yang diterajui oleh KKR dan Jawatankuasa Pembaikan Kerosakan Rumah yang diselaraskan bersama oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bersama CIDB. KKR telah mendapat peruntukan sebanyak RM174 juta daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara untuk membina rumah-rumah kekal dan RM40 juta kepada KKLW untuk pembaikan rumah yang mengalami kerosakan. Bagi projek pembinaan semula rumah kekal untuk mangsa banjir, sehingga 1 Jun 2015, sebanyak 33 buah rumah telah berjaya disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan sebanyak 309 buah rumah masih dibina, manakala sebanyak 238 buah di peringkat pra-bina. Pecahan negeri bagi rumah yang telah siap dibina



ialah, 11 buah di negeri Kelantan, 14 di Pahang, 2 di Terengganu dan 6 buah di negeri Perak.

8. Selain itu juga, kerja-kerja pembaikan cerun yang kritikal dan berskala kecil di kawasan tanah runtuh Cameron Highland giat dilaksanakan. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan masih ingat, banjir di Ringlet telah mengorbankan nyawa beberapa penduduk di kawasan tersebut antaranya warga Malaysia, Indonesia dan Nepal. Beberapa penduduk juga dilaporkan hilang malah masih belum ditemui sehingga kini dan kita berasa amat sedih dengan kejadian yang berlaku ini. Ekoran itu, Mesyuarat Khas Bencana Banjir Kilat dan Tanah Runtuh di Cameron Highlands yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan dan KKR diberi peruntukan sebanyak RM41 juta untuk kerja-kerja membaik pulih cerun di semua lokasi yang terbabit termasuk kerja-kerja membaik pulih sistem perparitan, turapan semula jalan, kerja perabot jalan dan juga kerja kecemasan pembersihan sisa runtuhan. Sehingga 13 April 2015, sebanyak 24 cerun telah siap dibaiki daripada 29 cerun yang telah dikenal pasti manakala baki lima (5) cerun masih dalam peringkat pembaikan.

9. Pada kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan yang tidak terhingga untuk kecekapan dan kepantasan pengurusan bencana JKR yang melibatkan operasi Bilik Gerakan Bencana (BGB), kerja-kerja pembaikan segera di kawasan-kawasan kritikal melibatkan jalan, jambatan serta cerun yang dapat membantu memastikan keselesaan dan keselamatan orang awam. Selain tugas-tugas hakiki yang dilaksanakan

semasa banjir, saya juga difahamkan bahawa seramai 190 warga JKR bersama pasukan KKR dan Puspanita telah mengusahakan beberapa siri misi kemanusiaan MERCY KKR – JKR dengan menghantar bantuan kewangan, barang keperluan asas serta tenaga pembersihan pasca banjir di beberapa kawasan yang terlibat di Pahang, Terengganu dan Kelantan. Pada pandangan saya, tindakan efisien jabatan dalam menangani kesemua isu dan kejadian bencana alam yang berlaku wajar dicontohi dan pengajaran perlu diambil kira supaya kita dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang telah dikenal pasti demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan jabatan. Sewajarnya JKR sebagai salah sebuah jentera perkhidmatan awam negara perlu sentiasa bersedia dan mempunyai keupayaan untuk menjayakan kesemua program kerajaan yang telah dan tidak dirancang, dengan cemerlang.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

### **RANCANGAN MALAYSIA KE-11 (2016 – 2020)**

10. Pada 21 Mei yang lalu, YAB Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) yang merupakan fasa akhir pelan hala tuju pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. RMK11 bakal menggunakan pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* (MyNDS) yang berasaskan kepada aspek ekonomi berteraskan rakyat dengan penekanan terhadap peningkatan kesejahteraan rakyat serta ekonomi berasaskan

modal (*capital economy*) yang memberi tumpuan kepada aspek pencapaian pendapatan tinggi. Sehubungan itu, kerajaan bakal memberi keutamaan projek-projek berimpak tinggi dengan kos rendah serta memastikan pelaksanaan yang cekap dan pantas. Bertujuan mencapai matlamat MyNDS, RMK11 telah dirangka dengan berpaksikan enam teras strategik iaitu:

- i. Teras 1: Memperkukuh pembangunan inklusif;
- ii. Teras 2: Meningkatkan kesejahteraan rakyat;
- iii. Teras 3: Pembangunan Modal Insan;
- iv. Teras 4: Menuju ke arah pertumbuhan Hijau;
- v. Teras 5: Memperkasa asas pertumbuhan; dan
- vi. Teras 6: Merekayasa pertumbuhan ekonomi.

11. JKR sebagai pelaksana utama projek kerajaan akan diberi peranan yang lebih signifikan, iaitu penglibatan seawal perancangan pelaksanaan projek dengan membantu agensi dalam menentukan *brief* projek serta menasihatkan agensi berkaitan kesesuaian tapak serta membantu dalam penilaian bajet agensi. Sesungguhnya peranan yang diberikan ini memerlukan seluruh warga JKR agar lebih bertanggungjawab terhadap keseluruhan aspek pelaksanaan projek. Strategi ini juga akan mengesahkan JKR sebagai perunding teknikal utama kerajaan dari peringkat awal yang mana mampu mengelakkan isu-isu kelemahan dalam pelaksanaan projek yang selama ini dianggap isu-isu yang sering berulang seolah-olah tiada penyelesaiannya.

## **PEMBUDAYAAN WARGA JKR SEBAGAI PENJAWAT AWAM CEMERLANG**

12. Untuk mencapai kepakaran teknikal yang cemerlang, warga JKR perlu memiliki kemahiran berkualiti, pengetahuan teknikal yang luas dan kompeten dalam disiplin masing-masing tidak kira awam, eletrikal, mekanikal, seni bina dan ukur bahan. Selain daripada kemahiran dan pengetahuan teknikal, warga JKR juga perlu mempunyai kreativiti untuk memikirkan sistem baharu yang lebih inovatif dan pada masa sama memastikan sistem sedia ada berfungsi dengan lebih efisien. Adakalanya, peralatan atau kelengkapan yang ada hanya perlu diberi nafas baharu supaya ia dapat digunakan semula tanpa melibatkan kos yang tinggi. Kita mungkin terlalu ingin mengikuti perkembangan seni bina dan kejuruteraan terkini sedangkan kita terlupa bahawa tuan-tuan dan puan-puan sendiri adalah golongan yang sentiasa ingin tahu (*curious*) dan dengan kemahiran analitikal yang teliti, banyak perkara berkaitan penambahbaikan fungsi sesuatu yang ada di depan mata selama ini, pasti boleh dijayakan.

13. Sebenarnya, cabaran paling getir yang dihadapi oleh warga JKR adalah memastikan kelestarian aspek kecemerlangan penyampaian perkhidmatan jabatan walaupun dengan kekangan-kekangan semasa yang tidak dapat kita elakkan. Antara kekangan atau cabaran yang perlu kita hadapi adalah isu kekurangan peruntukan, pengurusan masa dan hasil projek yang berkualiti. Kesemua kekangan ini memang adakalanya memberi kesukaran namun dengan adanya kemahuan setiap warga jabatan dan JKR sendiri sebagai sebuah jabatan untuk mencapai matlamat

kesejahteraan rakyat dan negara, setiap halangan boleh diatasi. Bagi memastikan peruntukan tidak melebihi kos yang telah ditetapkan, prosedur kerja mungkin boleh disingkatkan dengan pengurusan masa yang lebih teratur dan penggunaan sistem yang lebih berkesan. Kita juga sedia maklum bahawa saban tahun peruntukan turut berkurangan, maka bagi aspek kompetensi, kita wajar mengutamakan latihan-latihan yang sangat diperlukan terlebih dahulu. Dalam ertikata lain, pendekatan “do more with less (resources) haruslah menjadi amalan kita. Walaupun begitu, sekiranya ada keperluan yang mendesak, tiada sebab untuk jabatan menolak untuk memberi latihan tertentu kepada warga jabatan yang amat memerlukan.

14. Pada masa yang sama, jabatan juga boleh menawarkan kursus spesifik mengikut keperluan penempatan seseorang pegawai supaya kemahiran tambahan seperti perhubungan awam, penulisan artikel, pengurusan sumber manusia dan lain-lain yang tidak melibatkan kejuruteraan mahupun seni bina serta ukur bahan, supaya dapat membantu pegawai dan kakitangan skim J melakukan kerja-kerja lain di bahagian atau cawangan tertentu. Selain itu juga, kerana peruntukan yang semakin berkurangan, mungkin kita wajar memikirkan aspek kualiti kursus berbanding kuantiti hari berkursus. Kadang-kadang, kerana terlalu menjejarkan kewajipan tujuh (7) hari berkursus, kita tangkap muat sahaja mana-mana kursus yang ada tanpa memikirkan kepentingan yang boleh diperolehi daripada kursus berkenaan. Saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan supaya berfikir dengan lebih teliti dan bertindak dengan bijak walaupun dengan adanya kekangan-kekangan yang menghalang kelangsungan pentadbiran dan pengurusan yang kita lakukan. Mungkin

mudah untuk disebut berbanding untuk dilaksanakan, namun saya percaya, di mana ada kemahuan, In shaa Allah di situ ada jalan. Pada saya, inilah erti kecemerlangan yang sebenar; warga kerja jabatan yang proaktif, kreatif dan sentiasa berusaha mencari jalan penyelesaian untuk memastikan setiap isu, masalah dapat diselesaikan. Tuan-tuan dan puan-puan di depan saya ini boleh disamakan bak pantun Melayu;

Buat bangsal di Pulau Daik,  
Menahan taut sambil mengilau,  
Kalau asal benih yang baik,  
Jatuh ke laut menjadi pulau.

15. Suka juga saya ingin mengingatkan semua warga JKR yang ada di depan saya hari ini supaya memperbaiki skil komunikasi yang merupakan elemen terpenting dalam mengukuhkan hubungan antara ketua dan anak buah dalam sesebuah organisasi. Kadang-kadang, kita hanya mahu mendengar arahan-arahan daripada pengurusan tertinggi dan tidak memberi peluang kepada anak-anak buah untuk memberi cadangan dan pandangan mereka sedangkan saya yakin mereka ini yang kebanyakannya adalah juruteknik, juga mampu memberi penyelesaian terhadap mana-mana isu tertentu. Maka, skil mendengar yang benar-benar mendengar juga utama. Jangan asyik melihat ke atas namun lupa untuk memandangi ke bawah.

16. Selain itu juga, menyentuh aspek komunikasi, jurutera, arkitek, juruukur bahan dan lain-lain disiplin dalam JKR mesti mempunyai

kemahiran menterjemah terma-terma kejuruteraan yang kompleks kepada bahasa mudah yang boleh difahami oleh semua pihak terutamanya orang awam. Kita mahu semua orang sedar dan faham apa yang kita lakukan namun perkara ini tidak boleh dicapai sekiranya bahasa yang kita gunakan adalah asing dan hanya mampu difahami oleh golongan tertentu. Ini kritikal lebih-lebih lagi dalam dunia global tanpa sempadan yang mana setiap lapisan masyarakat sentiasa mengakses maklumat dengan mudah, kita mahu mengguna pakai peluang ini supaya rakyat boleh memahami dan menghargai kerja dan tindakan yang kita laksanakan sebagai sebuah jabatan teknikal utama negara.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

17. Proses transformasi dalam sektor awam adalah suatu proses perubahan secara *fundamental* dan menyeluruh daripada pelbagai aspek termasuk falsafah, etos, struktur, mekanisme, kaedah dan budaya kerja. Dalam konteks penjawat awam pula, transformasi adalah proses perubahan diri yang melibatkan perubahan sikap, minda dan amalan nilai-nilai yang dizahirkan melalui peningkatan pengetahuan, penguasaan ilmu, kemahiran dan komitmen terhadap tugas. Proses transformasi yang berkesan memerlukan sokongan dan komitmen setiap warga dalam jabatan untuk bergerak sebagai sebuah entiti yang mantap. JKR pula perlu memantapkan keupayaan serta kapasiti jabatan dengan mengukuhkan budaya sedia ada dan pada masa sama, memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih strategik dan bersepadu. Amalan-amalan inilah yang kita

namakan sebagai budaya kecemerlangan kerana setiap kita pasti menginginkan yang terbaik untuk diri sendiri, organisasi yang kita wakili, membanggakan bangsa dan sudah pastinya negara yang kita cintai.

18. Apa yang saya maksudkan adalah, perubahan tidak boleh berlaku tanpa adanya sokongan. Sebagai ahli dalam sesebuah organisasi; tuan-tuan dan puan-puan sebagai warga kerja dalam JKR, manakala KSU, TKSU, SUB pula warga kerja dalam Kementerian, semua pastinya mahukan yang terbaik untuk agensi masing-masing, maka di sinilah kita perlu mempraktikkan budaya kecemerlangan dalam setiap perkara yang kita lakukan demi melonjakkan prestasi organisasi masing-masing. Sekiranya kita masih duduk di takuk lama, bersikap statik tanpa mendambakan sebarang perubahan, maka tiadalah kebaikan mahupun faedah yang boleh kita perolehi. Saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan yang ada di hadapan saya pada pagi ini supaya bekerja secara strategik dan penuh dengan komitmen untuk menjadikan jabatan tuan-tuan dan puan-puan sebagai sebuah jabatan kerajaan yang cemerlang.

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, terimalah serangkap lagi pantun daripada saya,

Bunga seroja di atas para,  
Jatuh ditimpa buah berangan,  
Andai kata tersilap bicara,  
Kemaafan jua saya pohonkan.



20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahhim saya dengan berbesar hati merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2015.

Sekian, wabillah hitaufik walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.